

2216/1

KESUSASTERAAN  
MELAYU KOMUNIKATIF  
NOVEMBER 2021  
2 JAM 30 MINIT

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>	-	<input type="text"/>									
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	---	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)**

**PERCUBAAN SPM  
2021**

**KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF  
MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT**

**ARAHAN:**

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan **Bahagian A**.
3. Jawab **tiga** daripada **enam** soalan dalam **Bahagian B**.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak

**Bahagian A**  
**(40 markah)**  
*Jawab semua soalan.*

1

Banyak udang banyak garam,  
 Banyak orang banyak ragam.

Lain dulang lain kakinya,  
 Lain orang lain hatinya.

Dipetik daripada *Resam Hidup Manusia (Pantun Dua Kerat)*  
 dalam Antologi Nilai Insan

Berikan dua gaya bahasa pengulangan berserta contoh yang terdapat dalam petikan pantun tersebut. [4 markah]

2

Dia petani tua yang berkali-kali  
 menghafal pesan wasiat betapa  
 selut sejarah  
 yang berkematu di tumit usia  
 adalah sengsara yang membesarkannya  
 dengan manis dan manusia.

Dipetik daripada sajak *Seorang Tua di Kaki Tamadun* karya Fadh Razy

Senaraikan empat bentuk yang terdapat dalam petikan sajak tersebut. [4 markah]

3

... Maka teman Syahbandar pun berjalanlah keluar mendapatkan budak itu. Serta sampai maka kata teman Syahbandar itu kepada budak itu, "Hai saudaraku, diri dipanggil oleh datuk suruh masuk ke dalam!" Maka kata budak itu, "Baiklah."

Maka budak itu pun berjalanlah masuk ke dalam kota itu, lalu ke hadapan balai raja sekali. Setelah segala raja dan orang besar-besaran sekalian melihat kelakuan budak itu, maka semuanya pun hairanlah melihatnya rupa anak naga itu, terlalulah hebatnya melihat anak naga itu. Seketika budak itu bermain-main maka hari pun hampirlah akan malam. Maka budak itu pun hendak bermohon pulang ke rumahnya. Maka baginda pun memberi kurnia akan budak miskin itu sahaya dua orang beserta pulak dengan kain dan baju serta beras padi terlalulah banyaknya dan segala raja dan orang besar-besaran itu pun memberi kurnia kepada budak itu, masing-masing dengan kadarnya.

Dipetik daripada *Sastera Hikayat, Hikayat Parang Puting Budak Miskin Menghadap Raja*  
 dalam Antologi Nilai Insan

Nyatakan dua nilai berserta contoh yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut. [4 markah]

4

Tiga bulan lalu, dia isteri seorang pemimpin yang disegani. Dia berkelakuan mengikut protokol. Pakaian mesti begini dan begitu. Cara jalannya mesti begini dan begitu. Apabila bersalaman, jangan genggam erat, tapak tangan mesti turus dan sentuh sedikit sahaja tapak tangan orang yang bersalaman dengannya. Jangan seperti wanita-wanita lain. Apabila bersalam, digenggam erat seluruh tapak tangan sehingga terasa ke hati.

Tiga bulan dulu, dia cuma memakai pakaian rekaan pereka terkenal. Kasut dan beg tangan mesti meriah dan bukan daripada jenis klon. Sering kawan-kawannya bertanya di mana dan siapa pereka pakaiannya. Mereka amat kagum. Dia memang jelita walaupun memakai apa-apa sahaja.

Dipetik daripada cerpen *Perspektif* karya NF Abdul Manaf

Berdasarkan petikan cerpen di atas, nyatakan:

- (a) Maksud teknik imbas kembali. [2 markah]
- (b) Satu contoh teknik imbas kembali yang terdapat dalam petikan di atas. [2 markah]

5

SUARA GHAIB THOMAS CARPENTAR: Sayangku Anna, tak usah mengikut hati muda. Engkau tak kan tahan hidup di samping pemuda Melayu ini. Cara hidup keluarganya lain daripada cara kita. Engkau tak akan dapat sepenuhnya kasih sayang daripadanya. Sia-sia engkau mencintainya. Dengarlah, percayalah kata-kata ayahmu ini. Tak usahlah kaucampakkan kasih sayangku yang sejati kerana mengharapkan sesuatu yang belum pasti.... .

Dipetik daripada drama *Anna* karya Kemala

Jelaskan dua pengajaran yang terdapat dalam petikan drama di atas. [4 markah]

6

Dia diberikan sebuah kamar tidur di dalam salah sebuah bangunan di kompleks istana yang sangat luas. Takjub dan tercengang-cenganglah dia melihat kawasan istana yang begitu indah. Keesokan harinya dia dibawa melihat-lihat kawasan istana, ke tempat-tempat yang bebas dimasuki, dibenarkan masuk setelah mendapat izin atau dilarang masuk sama sekali. Kemudian dia diajari cara berpakaian yang sesuai untuk berbagai-bagi majlis, cara berbahasa yang sesuai termasuk bahasa panggilan bagi orang-orang kenamaan serta isteri mereka, juga tatatertib jika menikmati hidangan bersama tetamu-tetamu lain.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*  
karya Anwar Ridhwan

Nyatakan sudut pandangan berserta tiga contoh yang terdapat dalam petikan novel tersebut. [4 markah]

7

Berkata pula Ken Tambohan, "Wahai paman, sebelum paman membunuh beta, beta hendak berpesan kepada paman. Apabila beta sudah mati, taruhlah mayat beta di dalam rakit dan taburlah bunga cempaka serta bunga angsona di atas mayat beta itu. Kemudian hanyutkanlah rakit yang berisi mayat beta itu di dalam sungai. Jikalau, selepas itu, paman bertemu dengan kakang Raden Menteri, sampaikan sembah beta kepada baginda. Katakan beta meminta beribu-ribu ampun kepada baginda." Pelebaya pun sangguplah menyelenggarakan pesan Ken Tambohan itu. Ken Tambohan mengupahnya dengan sebentuk cincin.

Dipetik daripada Sastera Panji; *Ken Tambohan Dibunu*  
dalam Antologi Nilai Insan

Nyatakan **dua** latar tempat berserta contoh yang terdapat dalam petikan tersebut.

8

[4 markah]

BLACKWAY: Awak cuma penarik beca. Siapa peduli? Tapi, saya orang besar. Saya James Rolland Blackway. Saya pegawai kanan Francis Light! Saya kawan baik Francis Light dan Stamford Raffles! Awak kenal Francis Light? (Berkata dengan bangga).

MAT PIAH: Tuan kawan baik Francis Light? Saya kawan baik Prince Charles! (MAT PIAH tergelak).

BLACKWAY: Jangan main-main sama saya punya kawan. Dia yang buka ini Puloo Pinang. (MAT PIAH ketawa terbahak-bahak)

Dipetik daripada drama *Mat Piah dan Mr Blackway*  
karya Mahizan Husain

Berdasarkan petikan, sarankan **dua** perwatakan yang sepatutnya ada pada watak Mr. Blackway.

[4 markah]

9

Semasa dia belajar di Pondok Pasir Tumbuh, Kelantan, di bawah Tuan Guru Haji Hashim yang berasal dari Kampung Pantai Johor, Kedah, dia membaca kitab-kitab seperti karangan Ibn al-Fakih dari Hamadan. Dia juga mengkhattami kitab-kitab yang ditulis oleh Mas'udi dan Ibn Said pada awal Masihi ke-900. Kitab-kitab itu banyak menyentuh tentang penggunaan kapur barus. Walau bagaimanapun, yang menarik baginya kapur barus itu mempunyai pertalian dengan Kota Barus itu sendiri. Kota Barus itu sendiri pun tidak mempunyai erti apa-apa kalau tidak kerana tokoh-tokoh sufi besarnya yang menjadikan Barus atau Kota Sibolga itu sebagai dataran sufi hingga ke hari ini.

Dipetik daripada cerpen *Profesor Sufi*  
karya A.Rahmad

Jelaskan **satu** unsur keagamaan yang terdapat dalam petikan tersebut. [4 markah]

10

Telah dilatih untuk menepati masa, jeneral tiba di restoran itu tiga puluh minit selepas matahari terbenam. Dia memakai seluar warna kelabu. Baju kemeja longgar bergambar beberapa ekor paus biru membungkus tubuh sasanya. Sepucuk pistol bersadur emas diselitkan di pinggangnya, ditutup kemeja longgar biru sebam itu. Sebagai bekas tentera berpangkat tinggi dia dibenarkan memiliki pistol dan dua puluh lima butir peluru pada satu-satu masa. Dia tidak memikirkan untuk menggunakan pistol itu lagi, tetapi menyimpannya kerana diberi keistimewaan oleh pemerintah.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto*  
karya Anwar Ridhwan

Berdasarkan petikan di atas, huraikan **satu** ciri kepemimpinan yang perlu ada pada seorang pemimpin atau ketua. [4 markah]

**Bahagian B**

(60 markah)

Pilih 3 daripada 6 soalan

- 11 Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

**Seloka Tak Berikhtiar Sendiri**

I

Banyak orang berangan-angan tinggi,  
Ingin mencapai itu dan ini,  
Tetapi tak mahu bersusah diri,  
Untuk menyampaikan cita-cita pujaan hati,  
Mereka suka minta tolong, minta beri.

Banyak orang hanya suka meminta bantu,  
Memohon pertolongan di sana situ,  
Atau berdoa sebilang waktu,  
Atau menyusahi ayah dan ibu - jadi kutu,  
Sebagai anak kecil yang masih menyusu.

Mengapa sentiasa mengharap ibu bapa?  
Mengapa masih mahu menadah meminta-minta?  
Manusia disuruh "beramal", berusaha:  
Sendirilah, selam lautan dalam!  
Sendiri rempuh belukar tebal yang kelam!  
Malulah kalau hanya tahu menyusah,  
Kalau selalu meminta kepada ibu dan ayah,  
Bahkan, walaupun kepada Allah,  
Suka menadah dan tertadah-tadah,  
Suka menjadikan diri peminta sedekah,  
Tetapi tak banyak usaha dan ikhtiar sendiri.

Diadun daripada "Putera Melaka"  
U.Kk. 27. XII. 1954

*Kalung Bunga*, 2008  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (a) Huraikan **maksud** rangkap kedua seloka di atas. [4 markah]
- (b) Huraikan **empat** bentuk berserta contoh yang terdapat dalam seloka di atas. [8 markah]
- (c) Cipta **dua** rangkap seloka bertemakan **ketekunan**.  
Seloka tersebut hendaklah antara **8 hingga 12 baris**. [8 markah]
- 12 Berdasarkan *Sastera Epik* dalam antologi Nilai Insan:
- (a) Nyatakan **tema** yang terdapat dalam Satera Epik tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** ciri Sastera Epik . [8 markah]
- (c) Huraikan **dua** keistimewaan yang terdapat pada watak Hang Tuah. [8 markah]

### Citra Pelangi 1 Malaysia

Kita berfikir tentang sejuta mimpi  
yang tumbuh rendang  
dari lena dari tidur dari sepi malam  
mari kita himpukkan angannya  
menjadi mentari pagi.

Kita menyulam sejuta jiwa  
yang bergetar dalam riak rasa berbeza  
menjadi sebuah lagu cinta  
lirik perpaduan seni senegara  
rentak fikir bersama berpadu  
inilah muzik satu hati sejiwa  
rumpun pelbagai bangsa satu bahasa  
berlagu senada menari langkah sekata.

Kita menghulur jemari hati  
menghantar pesan seloka  
mengirim diksi dari langit  
mantera dari rumpun Melayu  
air mawar dari sumur nusantara  
satukan menjadi jamu cinta  
kita santap dalam pentas terbuka  
di anjung pelbagai sejuta budaya  
duduk-duduk berlamalah di sini  
sambil mengayam citra pelangi  
di wajah 1 Malaysia  
kelak kita menjadi lebih faham  
perlunya berfikir dan bertindak  
dalam bersatu  
berbeza dan berselisih itu boleh  
tetapi kemudian bersatu  
tanah air kita tiada dua  
hanya satu.

(Tanjong Malim, Perak)

A.Halim Ali

Dewan Sastera, April 2011

Dewan Bahasa dan Pustaka

- a) Huraikan nada yang terdapat dalam sajak tersebut berserta **dua contoh**. [6 markah]
- b) Jelaskan **tiga** gaya bahasa dalam sajak tersebut. [6 markah]
- c) Cipta sebuah sajak yang bertemakan **semangat patriotik**. Sajak tersebut hendaklah antara **12 hingga 15 baris**. [8 markah]

14 Berdasarkan Cerpen 00000000000 karya Shahnon Ahmad;

- (a) Huraikan **satu** persoalan. [4 markah]

Dan aku cuba akhirnya menggaris dan mewarnakan Dol dalam komposisinya yang lengkap, bersama lagu, suara, irama, dan nadanya, bersama loncatan kukangnya di dalam kelongsong sarang tupai kena jolok, bersama lagi dengan rantai gila menyemak leher, bersama baju singlet mempamerkan bulu ketiak dan bulu dada, dan seluar koyak sana, koyak sini menonjolkan daging-daging khas yang sengaja hendak ditonjolkan itu.

Dipetik daripada cerpen 00000000000 karya Shahnon Ahmad

- (b) Jelaskan **dua** pandangan anda terhadap perwatakan Dol yang terdapat dalam petikan tersebut. [8 markah]
- (c) Berdasarkan cerpen tersebut, hasilkan sebuah karya adaptasi dalam bentuk sajak. Sajak anda **hendaklah antara 12 hingga 15 baris.** [8 markah]

15 Berdasarkan drama Anna karya Kemala:

- (a) Huraikan **dua** perwatakan Zaki. [6 markah]
- (b) Jelaskan **dua** isu pertentangan budaya Timur dan Barat. [6 markah]

ANNA : Engkau seperti tak keruan saja.

ZAKI : Aku memikirkan dirimu. Engkau pergi tak memberitahuku.

ANNA : Rumah tangga kita tiba pada nafasnya yang akhir. Aku kira susah hendak diselamatkan lagi.

ZAKI : Anna, apa yang engkau katakan ini?

Dipetik daripada drama Anna karya Kemala

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan dialog tersebut supaya menjadi skrip drama yang mengandungi **tidak kurang daripada enam** dialog. [8 markah]

16 Berdasarkan Bab 4: Aisberg dalam novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan Sasterawan Negara.

- (a) Huraikan **dua** nilai murni. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** saranan, tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh pemimpin Ogonshoto untuk mengatasi masalah kemarau di Ogonshoto. [8 markah]

Matahari telah condong agak jauh ke barat apabila lelaki tua itu berjaya ke permukaan. Hampir tanpa daya lagi, dia terlentang menatap langit biru, juga debu-debu berterbangan. Bumi kering. Langit kering. Angin kering.

Dipetik daripada novel *Naratif Ogonshoto* karya Anwar Ridhwan

- (c) Berdasarkan kreativiti anda, sambung petikan novel tersebut supaya menjadi cerita yang menarik.

Panjang cerita hendaklah **antara 80 hingga 100 patah perkataan.** [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**